



30 September 2024
30 September 2024
P.U. (A) 257

WARTA KERAJAAN PERSEKUTUAN

FEDERAL GOVERNMENT GAZETTE

PERINTAH KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI
KESIHATAN AWAM (PENGISYTIHARAN KAWASAN ATAU
TEMPAT LARANGAN MEROKOK) 2024

*CONTROL OF SMOKING PRODUCTS FOR PUBLIC HEALTH
(DECLARATION OF NON-SMOKING AREA OR PLACE)
ORDER 2024*

DISIARKAN OLEH/
PUBLISHED BY
JABATAN PEGUAM NEGARA/
ATTORNEY GENERAL'S CHAMBERS

AKTA KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM 2024

PERINTAH KAWALAN PRODUK MEROKOK DEMI KESIHATAN AWAM
(PENGISYTIHARAN KAWASAN ATAU TEMPAT LARANGAN MEROKOK) 2024

PADA menjalankan kuasa yang diberikan oleh subseksyen 16(1) Akta Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam 2024 [*Akta 852*], Menteri membuat perintah yang berikut:

Nama dan permulaan kuat kuasa

1. (1) Perintah ini bolehlah dinamakan **Perintah Kawalan Produk Merokok Demi Kesihatan Awam (Pengisytiharan Kawasan atau Tempat Larangan Merokok) 2024**.

(2) Perintah ini mula berkuat kuasa pada 1 Oktober 2024.

Tafsiran

2. Dalam Perintah ini, melainkan jika konteksnya menghendaki makna yang lain—

“hentian pengangkutan awam” termasuklah mana-mana tempat bagi membeli tiket atau bagi naik dan turun mana-mana pengangkutan awam;

“hospital” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan oleh Kerajaan atau oleh mana-mana orang yang digunakan atau dimaksudkan untuk digunakan bagi penginapan, rawatan dan penjagaan orang yang memerlukan apa-apa bentuk perkhidmatan jagaan kesihatan, dan termasuklah kawasan tanah yang di atasnya bangunan itu terletak dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengan bangunan itu;

“institusi pendidikan” ertinya sekolah atau mana-mana tempat lain sama ada swasta atau awam yang dalam menjalankan kerja sesuatu organisasi atau institusi, orang lazimnya diajar di dalam satu kelas atau lebih, dan termasuklah suatu tadika;

“institusi pendidikan tinggi” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Pendidikan 1996 [*Akta 550*];

“kaunter perkhidmatan” ertinya suatu bahagian atau suatu kawasan sesuatu tempat atau bangunan yang urusan menyediakan perkhidmatan kaunter kepada awam dijalankan;

“kawasan rehat dan rawat” ertinya tempat rehat dan kemudahan yang disediakan oleh Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM), Jabatan Kerja Raya, Pihak Berkuasa Tempatan atau agensi lain yang dinamakan ‘kawasan rehat dan rawat’, ‘R&R’ atau ‘hentian sebelah’;

“kedai berhawa dingin” ertinya mana-mana kedai yang berhawa dingin yang menawarkan atau menjual barang keluaran pengguna atau perkhidmatan kepada orang awam;

“kenderaan awam” ertinya mana-mana kenderaan yang membawa penumpang yang membayar tambang, yang digunakan di darat, air atau udara;

“klinik” ertinya mana-mana bangunan yang digunakan oleh Kerajaan, pengamal perubatan yang didaftarkan di bawah Akta Perubatan 1971 [*Akta 50*], pengamal pergigian yang didaftarkan di bawah Akta Pergigian 2018 [*Akta 804*], atau mana-mana orang lain bagi diagnosis atau rawatan orang yang menghidap atau dipercayai menghidap apa-apa penyakit, mengalami atau dipercayai mengalami apa-apa kecederaan atau mengalami atau dipercayai mengalami apa-apa kelemahan tubuh atau akal, dan termasuklah kawasan tanah yang di atasnya bangunan itu terletak dan mana-mana tanah bersebelahan yang digunakan berkaitan dengan bangunan itu;

“kompleks membeli-belah” ertinya mana-mana bangunan yang di dalamnya terdapat rangkaian kedai yang menawarkan atau menjual barang keluaran pengguna atau perkhidmatan pengguna kepada orang awam;

“kompleks sukan” ertinya mana-mana kawasan atau premis yang digunakan bagi aktiviti sukan;

“lapangan terbang” mempunyai erti yang diberikan kepadanya dalam Akta Penerbangan Awam 1969 [*Akta 3*];

“menara cerapan” ertinya suatu struktur termasuk bumbung yang dibina bagi tujuan memerhati flora dan fauna dalam suatu kawasan taman negara atau taman negeri;

“perkhidmatan jagaan kesihatan” termasuk—

- (a) perkhidmatan perubatan, pergigian, kejururawatan, perbidanan, kesihatan bersekutu, farmasi, dan ambulans dan apa-apa perkhidmatan lain yang disediakan oleh profesional jagaan kesihatan;
- (b) tempat tinggal bagi maksud mana-mana perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana hospital;
- (c) apa-apa perkhidmatan untuk memeriksa, mendiagnosis, atau merawat orang yang menghidap apa-apa penyakit, kecederaan atau hilang upaya minda atau badan;
- (d) apa-apa perkhidmatan bagi maksud kesihatan pencegahan atau penggalakan;
- (e) apa-apa perkhidmatan yang disediakan oleh mana-mana separa profesional jagaan kesihatan;
- (f) perkhidmatan untuk mengubati atau mengurangkan apa-apa keadaan luar biasa tubuh manusia dengan menggunakan apa-apa perkakas, kelengkapan, alat atau peranti atau apa-apa teknologi perubatan lain; atau

(g) apa-apa perkhidmatan yang berhubungan dengan kesihatan;

“premis kerajaan” ertinya mana-mana premis yang dimiliki atau dihuni oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri;

“pusat hiburan” ertinya mana-mana premis atau tempat yang hiburan awam diadakan dan orang awam dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“taman awam” ertinya suatu kawasan lapang bagi tujuan beriadah dan rekreasi yang mengandungi landskap lembut atau kejur, atau kedua-duanya, seperti laluan pejalan kaki, padang permainan, gelanggang permainan dan taman permainan ;

“taman negara” ertinya suatu kawasan yang telah diwartakan sebagai taman negara di bawah Akta Taman Negara 1980 [*Akta 226*], Enakmen Taman Negara (Kelantan) [*En. 14 Tahun 1938*], Enakmen Taman Negara (Pahang) [*En. 2 Tahun 1938*] atau Enakmen Taman Negara (Terengganu) [*En. 6 Tahun 1358*];

“taman negeri” ertinya suatu kawasan yang telah diwartakan sebagai taman negeri, tanah rizab atau hutan simpan kekal di bawah Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1985 [*En. No. 11 Tahun 1985*] (Kelantan), Enakmen Perhutanan Negara (Pemakaian) 1987 [*En. No. 1 Tahun 1988*] (Perlis) atau Enakmen Perbadanan Taman Negeri Perak 2001 [*En. No. 10 Tahun 2001*] (Perak);

“tapak perkhemahan” ertinya suatu tapak khas yang digunakan bagi mendirikan khemah bagi aktiviti perkhemahan termasuk apa-apa bangunan dalam tapak berkenaan;

“teater” ertinya mana-mana premis yang digunakan bagi persembahan atau pertunjukan apa-apa lakonan pentas, atau apa-apa pertunjukan atau resital muzik, nyanyian atau tarian atau apa-apa pertunjukan filem atau apa-apa peraduan, pertandingan sukan, pameran, lakonan aneka ragam atau keraian lain, yang orang awam dibenarkan masuk dengan atau tanpa bayaran;

“tempat kerja” mempunyai erti yang diberikan kepadanya di bawah seksyen 3 Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 [*Akta 514*];

“tempat latihan khidmat negara” ertinya mana-mana tempat sebagaimana yang ditentukan oleh Majlis Latihan Khidmat Negara melalui pemberitahuan dalam *Warta* di bawah subseksyen 17(1) Akta Latihan Khidmat Negara 2003 [*Akta 628*];

“tempat makan” ertinya mana-mana premis, sama ada di dalam atau di luar sesuatu bangunan, yang makanan disediakan, dihidang atau dijual dan termasuklah —

- (a) mana-mana bilik atau kawasan di dalam sesuatu kapal atau kereta api yang makanan disediakan, dihidang atau dijual;
- (b) mana-mana kawasan di dalam sesuatu kenderaan yang makanan disediakan, dihidang atau dijual, dan mana-mana kawasan sekitar dalam lingkungan jarak tiga meter dari kenderaan itu; dan
- (c) mana-mana kawasan dalam lingkungan jarak tiga meter dari mana-mana meja atau kerusi yang diletakkan bagi tujuan untuk menyediakan, menghidangkan atau menjual makanan; dan

“titian kanopi” ertinya suatu laluan pejalan kaki yang dibina dengan menghubungkan pokok termasuklah tempat rehat.

Pengisytiharan kawasan atau tempat larangan merokok

3. Menteri mengisytiharkan bangunan, tempat, kawasan dan kenderaan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Pertama sebagai kawasan atau tempat larangan merokok.

Pengisytiharan kawasan atau tempat larangan merokok bagi Negeri dan Wilayah Persekutuan

4. Walau apa pun perenggan 3, Menteri mengisytiharkan kawasan atau tempat bagi Negeri dan Wilayah Persekutuan sebagaimana yang dinyatakan dalam Jadual Kedua sebagai kawasan atau tempat larangan merokok.

JADUAL PERTAMA

[Perenggan 3]

KAWASAN ATAU TEMPAT LARANGAN MEROKOK

1. Bagi maksud Jadual ini—

(a) “kawasan” merujuk kepada keseluruhan kawasan premis itu, termasuk mana-mana kawasan di dalam bangunan dan kawasan sekitar bangunan itu yang berada di dalam lingkungan sempadan pagar atau tanah lot premis itu; dan

(b) “bangunan” merujuk kepada mana-mana kawasan di dalam bangunan itu dan termasuklah kawasan kaki lima dan di dalam lingkungan jarak tiga meter daripada garisan bangunan itu, dan termasuklah kawasan litupan apa-apa bumbung kekal tambahan yang bersambungan dengan bangunan utama itu.

2. Bangunan, tempat, kawasan dan kenderaan yang diisytiharkan sebagai kawasan atau tempat larangan merokok adalah seperti yang berikut:

(1) Bil.	(2) Kawasan atau Tempat
1.	Pusat hiburan atau teater, kecuali kasino
2.	Kawasan hospital atau klinik
3.	Lif atau tandas awam

(1) Bil.	(2) Kawasan atau Tempat
4.	Tempat makan
5.	Kedai berhawa dingin
6.	Bangunan dobi
7.	Bangunan hentian pengangkutan awam
8.	Kawasan lapangan terbang kecuali dalam kawasan atau tempat yang berikut: (a) MAS Golden Lounge, Mezzanine Level, Bangunan Satelit, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (b) Bilik Merokok C31 (Lot SATMEZ 25), Mezzanine Level, Bangunan Satelit, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (c) Bilik Merokok C11, Mezzanine Level, Bangunan Satelit, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (d) Bilik Merokok B2, Passenger Level Domestik, Bangunan Contact Pier, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (e) Kawasan Merokok Ruang Terbuka di bahagian tengah berdepan Pintu 4 dan Pintu 6 <i>outer curbside</i>, Aras 5, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (f) Kawasan Merokok Ruang Terbuka berdepan Pintu 4, Pintu 6 dan Pintu 8 <i>outer curbside</i>, Aras 3, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (g) Kawasan Merokok Ruang Terbuka <i>outer curbside</i>, Aras 1, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (h) Ruang Pejabat Bilik C23, Tingkat Bawah Bangunan Satelit A, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (i) Ruang Pejabat di Bay A8 Tingkat Bawah Bangunan Contact Pier, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 1 (j) Aras 2, Pintu Ketibaan Mall Gateway, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 (k) Aras 2, Bilik Merokok Satelit Sektor 6, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 (l) Aras 3, Kawasan Merokok Terbuka bahagian kiri dan kanan Sektor 2, Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) Terminal 2 (m) Aras 2, Pelepasan Domestik (antara Pintu B5 dan B7), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang

(1) Bil.	(2) Kawasan atau Tempat
	(n) Aras 2, Pelepasan Antarabangsa (antara Pintu 5), Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (o) Aras 1, Zon A, Aras Ketibaan sebelah Utara, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (p) Aras 2, Zon B, Aras Pelepasan sebelah Selatan, Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (q) Zon Merokok No. 1 dan 2, Aras 3, Pelepasan Domestik, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah (r) Zon Merokok No. 3, 4 dan 5, Aras 1, Ketibaan, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah (s) Bilik Merokok, Aras 3, Ketibaan Antarabangsa, Lapangan Terbang Antarabangsa Kota Kinabalu, Sabah
9.	Kawasan premis kerajaan
10.	Bangunan Parlimen Malaysia
11.	Mana-mana kawasan yang digunakan bagi apa-apa aktiviti perhimpunan sama ada di mana-mana tempat awam atau dalam mana-mana bangunan selain bangunan persendirian atau kediaman
12.	Kawasan institusi pendidikan atau institusi pendidikan tinggi
13.	Kawasan taman asuhan kanak-kanak
14.	Kaunter perkhidmatan awam
15.	Kompleks membeli-belah
16.	Kawasan stesen minyak
17.	Bangunan stadium, pusat kecergasan atau gimnasium
18.	Kawasan kompleks sukan
19.	Bangunan atau tempat awam yang digunakan untuk tujuan keagamaan
20.	Kawasan perpustakaan
21.	Kafe internet
22.	Kawasan tempat latihan khidmat negara
23.	Bangunan tempat kerja
24.	Kawasan rehat dan rawat kecuali tempat letak kereta awam terbuka
25.	Kawasan taman awam kecuali tempat letak kereta awam terbuka
26.	Menara cerapan, tapak perkhemahan, titian kanopi dan lima meter dari laluan masuk atau keluar titian kanopi dalam taman negara atau taman negeri
27.	Di dalam mana-mana bas sekolah
28.	Di dalam mana-mana kenderaan awam

JADUAL KEDUA

[Perenggan 4]

KAWASAN ATAU TEMPAT LARANGAN MEROKOK BAGI NEGERI DAN
WILAYAH PERSEKUTUAN

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
1. Melaka	(a) Bandar Warisan Dunia, Bandar Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW854 dalam Lampiran 1 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
	(b) Melaka Raya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW855 dalam Lampiran 2 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
	(c) Melaka International Trade Centre, Majlis Perbandaran Hang Tuah Jaya	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW856 dalam Lampiran 3 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
	(d) Bandar Alor Gajah, Majlis Perbandaran Alor Gajah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW857 dalam Lampiran 4 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
	(e) Bandar Jasin, Majlis Perbandaran Jasin	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW858

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		dalam Lampiran 5 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
	(f) Jalan Hang Jebat yang terletak dalam Bandar Warisan Dunia, Bandar Melaka, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang dilorek dengan warna kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW854 dalam Lampiran 1 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
	(g) Jalan Kota yang terletak dalam Melaka Raya, Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis, yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang dilorek dengan warna kelabu sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW855 dalam Lampiran 2 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Melaka
2. Terengganu	Jalan Haji Busu, Jalan Persinggahan, Jalan Kelab Kerajaan dan Pantai Batu Buruk, Daerah Kuala Terengganu, Terengganu	Semua bangunan, premis dan kawasan lapang kecuali kawasan tempat letak kereta terbuka, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW1009 dalam Lampiran 6 yang

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Terengganu
3. Johor	(a) Hutan Bandar Mutiara Rini, Lot 132863 dan 145338 Mukim Pulai, Daerah Johor Bahru	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PA 148764 dalam Lampiran 7 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	(b) Taman Negara Johor Endau, Rompin, Mukim Bekok, Daerah Segamat, Johor	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> P.W. 2007 dalam Lampiran 8 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	(c) Taman Negara Johor Endau Rompin (Tambahan), Mukim Labis, Bekok dan Semberong, Daerah Segamat dan Mersing, Johor	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> P.W. 2032 dalam Lampiran 9 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	(d) Taman Negara Johor Gunung Ledang, Mukim Tangkak, Daerah Muar, Johor	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		<i>Warta</i> PW2424, PW2425 dan PW2426 dalam Lampiran 10, 11 dan 12 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	<i>(e)</i> Taman Negara Johor Pulau Kukup, Mukim Ayer Masin, Daerah Pontian, Johor	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> P.W. 2127 dalam Lampiran 13 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	<i>(f)</i> Taman Negara Johor Tanjong Piai, Mukim Serkat, Daerah Pontian, Johor	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 2344 dalam Lampiran 14 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Johor
	<i>(g)</i> Taman Rekreasi Town Park 2 di Lot PTD 162872, Jalan Seri Austin 4, Taman Seri Austin, Johor Bahru, Johor	Keseluruhan kawasan termasuk tempat letak kereta awam terbuka
	<i>(h)</i> Taman Rekreasi Town Park 3 di Lot PTD 162862, Jalan Seri Austin 3/2, Taman Seri Austin, Johor Bahru, Johor	Keseluruhan kawasan termasuk tempat letak kereta awam terbuka
4. Kelantan	<i>(a)</i> Kawasan Tambatan Diraja - Jalan Tengku Puteri -Flat Buluh Kubu - Jalan Parit Dalam	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihalannya
	– Jalan Tengku Besar, Jajahan Kota Bharu, Kelantan	persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW1100 dalam Lampiran 15 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	(b) Kompleks Pasar Saidina Ali, Kok Lanas, Jajahan Kota Bharu, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW1110 dalam Lampiran 16 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	(c) Pasar Beris Kubor Besar dan kawasan sekitarnya di Jajahan Bachok, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW1104 dalam Lampiran 17 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihalannya
	<i>(d)</i> Bangunan Rumah Kedai, Jalan Taman Indah, Taman Indah, Terbok, Jajahan Tumpat, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW1108 dalam Lampiran 18 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	<i>(e)</i> Bandar Baru Pasir Mas, Apam Putra, Jajahan Pasir Mas, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1098 dalam Lampiran 19 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	<i>(f)</i> Dataran Pechong, Jajahan Tanah Merah, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1109 dalam

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		Lampiran 20 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	<i>(g)</i> Pasaraya PKT, Guchil, Jajahan Kuala Krai, Kelantan	Semua bangunan atau premis kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian dan mana-mana jalan atau kawasan lapang, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1102 dalam Lampiran 21 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	<i>(h)</i> Dataran Air Moleh, Jajahan Pasir Mas, Kelantan	Semua bangunan, premis, tempat awam, jalan atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1106 dalam Lampiran 22 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	<i>(i)</i> Kawasan sekitar Pasar Besar Tanah Merah, Jajahan Tanah Merah, Kelantan	Semua bangunan, premis, tempat awam, jalan atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan


(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihalannya
		tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1107 dalam Lampiran 23 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
	(i) Laman Tamu, Taman Tasik Krai, Jajahan Kuala Krai, Kelantan	Semua bangunan, premis, tempat awam, jalan atau tanah kecuali mana-mana bangunan atau premis yang digunakan sebagai rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 1103 dalam Lampiran 24 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Kelantan
5. Pulau Pinang	(a) Kawasan Tapak Warisan Dunia George Town, Daerah Timor Laut, Pulau Pinang	Semua bangunan, premis dan kawasan lapang kecuali rumah kediaman persendirian, yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW997 dalam Lampiran 25 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	(b) Taman Perbandaran, Lot 1877, Seksyen 2, George Town, Daerah Timor Laut, Pulau Pinang	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 921 dalam Lampiran 26 yang disimpan di

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	<i>(c)</i> Taman Botani, Lot 152, 2845, 2846, 2847, 2849 dan 2850, Mukim 18, Daerah Timor Laut, Pulau Pinang.	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 922 dalam Lampiran 27 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	<i>(d)</i> Empangan Air Itam, Lot 145 Mukim 14, Lot 10, 23, 39 dan 54 Mukim 15 dan Lot 350 Mukim 16, Daerah Timor Laut, Pulau Pinang.	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 923 dalam Lampiran 28 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	<i>(e)</i> Empangan Mengkuang, Bukit Mertajam, Lot 2024, Mukim 17 dan Lot 1163 Mukim 18, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 924 dalam Lampiran 29 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	<i>(f)</i> Taman Bandar Ampang Jajar, Lot 2036, Mukim 2, Daerah Seberang Perai Tengah, Pulau Pinang	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
		<i>Warta</i> PW 925 dalam Lampiran 30 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
	<i>(g)</i> Empangan Telok Bahang, Lot 695 hingga 698 Mukim 1 dan Lot 389, 488 hingga 492, 494, 495, 617, 618, 747, 769, 770, dan 892 Mukim 2, Daerah Barat Daya, Pulau Pinang	Semua bangunan, premis, tempat awam atau tanah yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PW 926 dalam Lampiran 31 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Pulau Pinang
6. Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Semua laluan pejalan kaki berbumbung, jejantas berbumbung dan terowong pejalan kaki bawah tanah termasuk mana-mana kawasan dan tempat yang dinyatakan dalam Jadual Pertama yang terletak dalam kawasan yang ditandakan dengan garisan tebal, sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> 383 dalam Lampiran 32 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
7. Negeri Sembilan	<i>(a)</i> Medan Selera Ampangan, Seremban, Negeri Sembilan	Semua bangunan yang terletak dalam Lot 24402 sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PA No. 80051 dalam Lampiran 33 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan

(1) Negeri dan Wilayah Persekutuan	(2) Kawasan atau Tempat	(3) Perihal
	<i>(b)</i> Medan Selera Penghulu Cantik, Seremban, Negeri Sembilan	Semua bangunan yang terletak dalam Lot 9444 sebagaimana yang ditunjukkan dalam pelan <i>Warta</i> PA No. 46040 dalam Lampiran 34 yang disimpan di Jabatan Ukur dan Pemetaan Negeri Sembilan

LAMPIRAN 2



SYIT PIAWAI: 34 A
SKA A : 3000

KELOMPOK KAWASAN DI DALAM SEMPADAN GARISAN TERAL	85.77 -g / 211.9 Ek
--	---------------------

[illegible]


(ONLY ZAP-81 IS NOW RELEASED)

 $\cdot \text{AEL} = \text{CUE} : 1' = 100$

778 JKWB : 1094/J2/7037/780 (6)

WISFLA-GAN C.F.E.: 1984 M.B. 13448

DISSEM C_IDH : NAY AHMAD FARIS AL B WAN ABD GHAFAR



24







PELAN MENUNJUKKAN
KAWASAN LARANGAN
MEROKOK BAGI
HUTAN BANDAR MUTIARA RINI,
MAJLIS PERBANDARAN JOHOR
BAHRU TENGAH (MPJBT)
DI ATAS LOT 132863 & 145338
MUKIM PULAI,
DAERAH JOHOR BAHRU
NEGERI JOHOR

SKALA 1:2500

• Lat: 42°30'N, Long: 121°30'W, 5 km SW of 42°30'N, 121°30'W

Fol 1102 P13R1 12/5-2011

For Further Information: www.azdhs.gov

(continued)

JUNE 19 21 1972


702 LING KOK KWAN 李國權, *Journal of Chinese Literature and Culture*, 1999, 1, 1, 1-10.


2011 年 12 月 1 日, 某公司收到一笔 100 万元的应收账款, 该笔款项已于 2011 年 11 月 30 日计提坏账准备 10 万元, 2011 年 12 月 1 日, 该笔款项已全额收回, 2011 年 12 月 1 日, 该笔款项已全额收回, 2011 年 12 月 1 日, 该笔款项已全额收回。

2014년 12월 25일


Handwritten signature: *Paula Sch...*
 Printed text: *PAULA SCH...*
 Address: *1000 ...*

PA 148764








P.W. 2007



P.W. 2032









1:2 RANTAI SEIMCI

MURAH AYER MASIN
DAERAH PONTIAN
JOHOR

FAK. UKUR. PUL. 492-98
FAK. PTD. P. 8/10/94
FAK. PTD. XXXIII/11/94
SPIT. PIRANG. 88 CV


DILUKIS OLEH *[Signature]*
1:2 RANTAI SEIMCI

DIPERIKSA OLEH *[Signature]*
PUSKAS. RTI. AND. 1:2

Adalah di bawah pengawasan dan pengawasan
Bekas teras di bawah pengawasan dan pengawasan
Bekas teras di bawah pengawasan dan pengawasan


[Signature]
1:2 RANTAI SEIMCI
1:2 RANTAI SEIMCI

P.W. 2127
























PELAN MENUNJUKKAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK
BAGI TAMAN PERBANDARAN
LOT 1877
SEKSYEN 2
GEORGE TOWN
DAERAH TIMOR LAUT
PULAU PINANG

SKALA 1:5500

Peta Ukur JUPP 546 PT 5 BK 75

Peta Jm. Kacukan Negeri B162 (dim. PPK 007512)

Lembar Peta 7-G-IV & T-O-II


Dibuat oleh:
(Bt Hana Street Street)

Ditandatangani oleh:
(Muhammad Hana Bin Abdul Rahman)

Dibuat di bawah arahan dan arahan Timor Laut 1995
Kawasan ini adalah (peta) yang betul (s) bagi menunjukkan
Kawasan Larangan Merokok bagi Taman Perbandaran
Lot 1877, Seksyen 2, George Town
Daerah Timor Laut, Pulau Pinang
(Ditandatangani oleh pegawai pejabat)

25-7-2012
Ahmad Azman Bin Ghazali, AMN
Pengerah Ukur dan Pemetaan
Pulau Pinang

PW 921



PELAN MENUNJUKKAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK
BAGI TAMAN BOTANI
LOT 152, 2845, 2846, 2847, 2849 & 2850
MUKIM 18
DAERAH TIMOR LAUT
PULAU PINANG

SKALA 1:3200


PAK UAGI JALAPURA PT 3 3876
PAU 205, Koordinat Negeri SRJ/52000/PPH/2075/3
Lambar Peta 17-C-41 & 7-C-42

Dibuat oleh:
(Uti Rosita Sam Ghazali)
Dikemaskini oleh:
(Muhammad Phean Bin Ahmad Rahman)

Disahkan oleh:
Ahmad Azman Bin Ghazali, AKN
Pengerah Ukur dan Pemetaan
Pulau Pinang

25-7-2012
Ahmad Azman Bin Ghazali, AKN
Pengerah Ukur dan Pemetaan
Pulau Pinang

PW 922



PELAN MENUNJUKKAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK
BAGI EMPANGAN AIR ITAM
LOT 145 MUKIM 14,
LOT 10, 23, 39 & 54 MUKIM 15
DAN LOT 350 MUKIM 16
DAERAH TIMOR LAUT
PULAU PINANG

SKALA 1:9000

Tali Ukur JUPPS48 PTS 5078

Pali Jala, Kuching, Negeri Bnt (20) dan JPPK5078/3


Lampiran Petak 11-A-I, 11-A-II & 11-C-I

Dibuatkan oleh:
(Bt) Nurul-Btut S. K. S. S. S.
(Materi oleh):
(Materi oleh) Nurul-Btut S. K. S. S. S.

Skala di kawasan ini adalah 400 kaki. Kawasan ini adalah kawasan larangan merokok bagi empangan air hitam.
Lot 145 Mukim 14, Lot 10, 23, 39 & 54 Mukim 15 dan Lot 350 Mukim 16
Daerah Timor Laut, Pulau Pinang
(Kawasan ini adalah kawasan larangan merokok)

Ahmad Azman Bin Ghazali
25.7.2012
Ahmad Azman Bin Ghazali, AMN
Pengerah Ukur dan Pemetaan
Pulau Pinang

PW 923



PELAN MENUNJUKKAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK
BAGI EMPANGAN MENKUNANG, BUKIT MERTAJAM
LOT 2024 MUKIM 17
DAN LOT 1163 MUKIM 18
DAERAH SEBERANG PERAI TENGAH
PULAU PINANG

SKALA 1:3200

Fall Unit JUPP548 PTS 5K75

Full Jwb. Keefharan Negeri Bk.purjawa.1990:25/3

Leads/Plays: 13-8-11 & 12-0-1

Downloaded from <http://ajphaphysoc.org/> at University of California, San Diego on June 11, 2015

©2011 Pearson Education, Inc.


Digermala o lele:


(Muhammad Fikri Bin Abdul Razzaq)

Didirikan di kawasan Mangrove 410 Ksatria Tanah Negara 1985
 bersempadan dengan jalan yang betul lagi benar bagi memajukan - T.
 Kawasan Lembangan Marokko, Bayu, Empangan Mangkawang, Bukit Merdu,
 L. 2000 Muka 17 dan 18 di 1160 Mukim 15
 kawasan bersempadan Pagar Tengah, Pulau Pinang
 (kemungkinan di kawasan Empangan Mangkawang)

Ahmad Azman Bin Ghazali, AMN
Pengarah Ukur dan Pematapan
Pulau Pinang

PW 924





PELAN MENUNJUKKAN KAWASAN LARANGAN MEROKOK
BAGI EMPANGAN TELOK BAHANG
LOT 895 HINGGA 898 MUKIM 1
DAN LOT 389, 488 HINGGA 492,
494, 495, 617, 618, 747, 769, 770 & 892
MUKIM 2
DAERAH BARAT DAYA
PULAU PINANG

SKALA 1:7000

PAR UKM JUPPS46 P13 SK75

Pet. Jcb. Keutuhan Negeri 58.002/2010/000

Lembar Plan 1 & 2 hingga E-D IV


Dibuat oleh:
(SM Nordin Binti Saad)

Dikemaskini oleh:
(Muhammad Farid bin Abdul Rahman)

Ditutup di bawah Seksyen 413 Kanun Tanah Negara 1965
bahawa ini adalah plan yang betul lagi benar bagi menunjukkan
Kawasan Larangan Merokok bagi Empangan Teluk Bahang
Lot 895 hingga 898 Mukim 1 dan Lot 389, 488 hingga 492,
494, 495, 617, 618, 747, 769, 770 & 892 Mukim 2
